



KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2006

BUKIT BATOK, TAMPINES I & II, YISHUN, WOODLANDS PT, TECK WHYE
CHOA CHU KANG, MARSILING, JURONG WEST I & II, ADMIRALTY

NAMA : _____

MATA PELAJARAN : **SIRAH**

KBK : 1

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi 7 muka surat.
2. Masa untuk menjawab kertas soalan ini ialah 1 jam.
3. Semua jawapan mesti dibuat dalam kertas soalan yang disediakan.
4. Pastikan segala keterangan diri anda ditulis dengan betul dan sempurna.
5. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.

MARKAH		
A	20	
B	20	
C	20	
D	20	
	80	
Tanda Tangan Pemeriksa		

Tanda Tangan Waris		

KBK 1/ SIRAH

BAHAGIAN A (40 MARKAH)

Pilih jawapan yang tepat dan isikan di dalam kurungan yang disediakan.

SIRAH

1. Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan pada tahun _____.
 - a) Gajah
 - b) Ayam
 - c) Kambing ()

2. Nabi Muhammad s.a.w. pernah mengikut bapa saudaranya _____ ke negeri Syam.
 - a) Abu Thalib
 - b) Abdul Latif
 - c) Abdul Mutalib ()

3. Siti Khadijah, isteri Nabi Muhammad s.a.w., berbangsa _____.
 - a) Ansar
 - b) Hashim
 - c) Quraisy ()

4. Salah seorang nama anak Nabi Muhammad s.a.w. ialah _____.
 - a) Aminah
 - b) Ruqayyah
 - c) Rumayyah ()

5. Nabi Muhammad s.a.w. pernah mengembala _____ semasa remaja.
 - a) unta
 - b) lembu
 - c) kambing ()

6. Wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi di gua Hira ialah ayat dari surah _____.
- a) al-Nas
 - b) al-‘Alaq
 - c) al-Fatihah ()
7. Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan agama Islam di Mekah selama _____ tahun.
- a) 14
 - b) 16
 - c) 13 ()
8. Orang pertama yang masuk Islam ialah _____.
- a) Aminah
 - b) Khadijah
 - c) Abu Thalib ()
9. Orang kafir merancang untuk _____ Nabi Muhammad s.a.w.
- a) menculik
 - b) merompak
 - c) membunuh ()
10. Nabi Muhammad s.a.w. wafat dan telah dimakamkan di _____.
- a) Syam
 - b) Mekah
 - c) Madinah ()

AKHLAK

11. Agama Islam memandang kebersihan itu _____.
- a) hina
 - b) jelek
 - c) mulia ()
12. Bilik darjah yang bersih akan _____ kita untuk belajar.
- a) memudahkan
 - b) menyusahkan
 - c) membosankan ()
13. Kita _____ membuat kotor di dalam masjid.
- a) dilarang
 - b) disunatkan
 - c) diwajibkan ()
14. Mengotorkan masjid adalah _____.
- a) beradab
 - b) berdosa
 - c) beriktikaf ()
15. Kita mesti sama-sama membantu _____ kebersihan.
- a) melihat
 - b) menjaga
 - c) membiarkan ()
16. Islam menyuruh kita _____ dengan anak kecil dalam percakapan dan perbuatan.
- a) kasar
 - b) tinggi suara
 - c) lemah-lembut ()

17. Kita harus menggunakan pisau yang _____ apabila menyembelih haiwan.
- a) besar
 - b) tajam
 - c) tumpul ()
18. Ahmad mengucapkan _____ apabila selesai makan malam.
- a) Insya Allah
 - b) Alhamdulillah
 - c) Bismillahirrahmannirrahim ()
19. Ali telah melakukan kesalahan pada Zahid, maka dia harus ucapkan _____.
- a) terima kasih
 - b) maafkan saya
 - c) assalamu 'alaikum ()
20. Siti telah berjanji dengan kawannya, maka dia harus ucapkan _____.
- a) Insya Allah
 - b) Selamat Pagi
 - c) Alhamdulillah ()

BAHAGIAN B (10 MARKAH)

Tandakan (✓) pada jawapan yang betul dan (×) pada jawapan yang salah.

SIRAH

1. Datuknya wafat ketika Nabi Muhammad s.a.w. berumur 7 () tahun.
2. Nabi Muhammad s.a.w. memiliki akhlak yang mulia () sehingga dipanggil al- Rahman.
3. Walaupun banyak ujian, Nabi Muhammad s.a.w. tetap sabar. ()

AKHLAK

4. Jika ada sampah yang di merata rumah, mestilah dibiarkan () saja.
5. Anak kecil dikasihi dan tidak disakiti. ()

BAHAGIAN C (20 MARKAH)

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

bersembunyi diberkati kebersihan disayangi masa
memelihara dilindungi wafat lemah-lembut sihat

SIRAH

1. Nabi Muhammad s.a.w. tidak suka membuang_____.
2. Semasa belayar Nabi Muhammad s.a.w. _____ awan.
3. Apabila bercakap jujur, kita akan _____.
4. Nabi Muhammad s.a.w. _____ di gua Thur bersama Abu Bakar.
5. Nabi Muhammad s.a.w. _____ pada 12 Rabiulawal tahun ke-11 hijrah.

AKHLAK

6. Dengan menjaga kebersihan diri, badan kita akan menjadi _____.
7. Manusia selalu _____ haiwan yang jinak.
8. Kita harus bersikap _____ dengan yang kecil.
9. Orang Islam harus menjaga _____ rumah.
10. Dengan mengucapkan ucapan yang baik, kita akan _____ Allah.

BAHAGIAN D (10 MARKAH)

Padankan frasa di bahagian (A) dengan frasa yang sesuai di bahagian (B)

(A)	*	(B)
1. Nabi Muhammad s.a.w. hidup bahagia	*	* bererti bacalah
2. Kita akan mengalami kesusahan	*	* Assalamu 'alaikum
3. Mengganggu orang solat	*	* walaupun miskin
4. Ayat pertama ialah Iqra'	*	* jika tempat awam kotor.
5. Kalau berjumpa kawan seIslam ucapkan	*	* hukumnya haram dan berdosa

☞ Semoga Berjaya ☜